

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASAN BIN ARIFIN
KAWASAN : ROMPIN
TARIKH BAHAS : 9 MAC 2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 79

YB Dato' Hasan Bin Arifin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan penilaian Kementerian mengenai hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat untuk lima tahun akan datang dan langkah yang perlu diambil susulan perlantikan Donald Trump sebagai Presiden Amerika yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang kukuh. Perlantikan Donald Trump sebagai Presiden A.S. yang baru dijangka tidak akan menjejaskan hubungan ekonomi di antara kedua-dua negara.

A.S. adalah rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia pada tahun 2016, dengan jumlah dagangan sebanyak RM135.88 bilion iaitu peningkatan sebanyak 5.3 peratus. Dari jumlah ini, eksport mencatatkan

peningkatan sebanyak 8.9 peratus kepada RM80.23 bilion, didorong oleh eksport barangan perkilangan yang menyumbang 95.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke negara tersebut.

Dilihat dari segi tren perdagangan dua hala sejak 5 tahun yang lalu, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan A.S. meningkat sebanyak 5.5 peratus dari RM109.88 billion pada tahun 2012 kepada RM135.88 bilion pada 2016. Dalam tempoh yang sama, jumlah eksport meningkat sebanyak 7.2 peratus dari RM60.79 billion pada tahun 2012 kepada RM80.23 billion pada 2016. Jumlah import meningkat sebanyak 3.2 peratus dari RM49.09 billion kepada RM55.65 billion.

Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawah MITI akan terus menggiatkan aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan ke A.S. Di antara program promosi eksport yang akan diadakan di A.S. pada tahun ini termasuk penyertaan di dalam Offshore Technology Conference di Houston, Texas dan SEMICON West 2017 di San Francisco, California. Penyertaan dalam kedua-dua aktiviti ini akan memberikan peluang untuk menengahkan produk-produk eksport utama negara ke A.S. iaitu minyak dan gas serta elektrik dan elektronik (E&E).

Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan terus mengadakan perbincangan dan dialog dengan syarikat-syarikat A.S. yang beroperasi di Malaysia melalui American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM) dan U.S.-ASEAN Business Council. Pertemuan ini penting bagi bertukar pandangan mengenai isu-isu semasa yang dihadapi supaya terus membina keyakinan mereka terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang tepat dan rakan dagang yang penting.